



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 01/2002
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan selamat tahun baru masehi 2002 kepada semua anggota perkhidmatan awam di seluruh Negara termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.

Dengan tulus ikhlas, Jabatan Perdana Menteri sukacita merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas taat setia dan sokongan yang berterusan di berikan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga diatas sumbangan khidmat bakti, yang telah disumbangkan secara jujur, ikhlas, amanah dan penuh dedikasi oleh semua lapisan anggota perkhidmatan awam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun masehi 2001

Bersempena menyambut kedatangan tahun baru ini, marilah kita sama-sama meningkatkan azam untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan demi mendukung perkhidmatan awam yang cemerlang bagi menghadapi tugas dan tanggungjawab yang mencabar serta cabaran di era globalisasi ini.

Perkhidmatan awam, sebagai tunggak dan jentera pentadbiran kerajaan yang bertanggungjawab merancang, menyediakan dasar dan melaksanakan projek-projek pembangunan dan kemajuan negara perlu cekap, bersih, effisyen, dinamik, berdayasaing dan mampu menghadapi perubahan. Bagi memenuhi kehendak ini, setiap anggota perkhidmatan awam hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh semangat, tekun, pintar (*smart*), berpenghasilan tinggi dan berkualiti disamping sentiasa mengamalkan disiplin diri yang murni seperti berakhlak mulia, jujur, amanah dan beretika sebagaimana yang dianjurkan dalam buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Semangat berkerja secara berpasukan dan saling berkerjasama rapat di antara satu dengan lain perlu sentiasa diamalkan dan di jadikan budaya kerja.

Anggota-anggota perkhidmatan awam juga dianjurkan berusaha melengkapkan diri dengan pengetahuan yang relevan dan terkini bagi menguasai serta memanfaatkan penggunaan dan perkembangan teknologi maklumat bagi mendukung matalamat Kerajaan kearah penerapan *e-Government* dalam urusannya.

Dalam usaha berterusan kearah menjadikan sektor awam sebagai pemudahcara dan rakan kongsi kepada sektor swasta dan orang ramai, sekali lagi ditekankan supaya perkhidmatan awam sentiasa peka dengan kehendak perubahan semasa dengan sentiasa mengemaskinikan segala undang-undang, peraturan, prosedur dan tatacara.



Perkhidmatan awam perlu terus berubah sikap kearah lebih *customer-focus*, *customer-friendly* dan *sensitive* kepada kehendak orang ramai dan kerajaan bagi memudahkan pelanggan berurusan dengan kementerian dan jabatan. Perkara ini adalah amat penting bagi sama-sama mendukung hasrat Kerajaan dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara, menjadikan negara, antaranya, sebagai Pusat Perdagangan dan Pelancongan (ShuTT), dan Pusat Persisiran Kewangan Antarabangsa (IOFC).

Di samping melaksanakan tugas mengikut skop dan bidang tanggungjawab yang di amanahkan kepada Kementerian dan Jabatan, perkhidmatan awam amat perlu mensejajarkan (align) pencapaian hasil kerja kepada matlamat utama negara kearah megujudkan negara yang aman tenteram, makmur, sejahtera, progressif dan pemedulian; serta bangsa yang taat setia kepada raja, mendukung kesucian agama Islam dan memertabatkan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Perkhidmatan awam juga diseru meneruskan usaha berjimat cermat dalam menggunakan perbelanjaan Kerajaan. Ini bertujuan bukan sahaja mengelakkan berlakunya pembaziran tetapi yang lebih penting membolehkan Kerajaan melaksanakan programnya dengan berkesan dan mengamalkan penekanan kepada "Value for Money".

Kita berdoa semoga usaha-usaha yang bersepadu seumpama ini akan menjadikan negara yang kita cintai ini lebih aman damai, makmur dan sejahtera.

Jabatan Perdana Menteri berdoa dan menaruh harapan semoga sepanjang tahun 2002 ini, perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam akan terus menerus beriltizam menyumbangkan khidmat bakti yang berkualiti, berkesan, cemerlang, berakhlak dan beretika serta sentiasa mendapat petunjuk, hidayah serta rahmat daripada Allah Subhannahu Wataala.

[**DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH**]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman, BA1000
Bandar Seri Begawan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Rujukan : (01) JPM/SK/2002
Tarikh : 17 Syawal 1422
01 Januari 2002